



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

9 Oktober 2021
2 Rabi'ulawal 1443H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 2 tekong, 15 nelayan Vietnam didenda RM3.7j
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernamea	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			23	11/10/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

ROMPAK HASIL LAUT NEGARA

2 tekong, 15 nelayan Vietnam didenda RM3.7j

Chukai: Dua tekong serta 15 nelayan warga Vietnam didenda keseluruhan RM3.7 juta selepas mengaku bersalah mencero boh dan merompak hasil laut negara.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadhi Abd Rashid berkata, semuanya yang berusia 17 hingga 42 tahun mengaku bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Kemaman, dekat sini, Rabu lalu.

Menurutnya, mereka ditahan pada dua siri operasi 3 Ogos lalu.

"Pada tangkapan pertama, seorang tekong bot didenda RM300,000 mengikut Seksyen 16(3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan pegawai berkuasa melalui radio, teleks atau faksimili mengenai nama, bendera, lokasi dan destinasi serta keadaan vesel terbabit memasuki perairan Malaysia.

"Tekong itu juga didenda RM200,000 atas kesalahan menangkap ikan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia JPM," katanya, semalam.

Rashidilhadhi berkata, tekong terbabit turut berdepan hukuman penjara lapan dan lima bulan sekiranya gagal menjelaskan kedua-dua denda terbabit.

Empat awak-awak tekong terbabit masing-masing didenda RM200,000 dan mereka berdepan hukuman lima bulan penjara sekiranya gagal menjelaskan denda terbabit.

"Pada tangkapan kedua, seorang tekong dan 11 awak-awak masing-masing didenda RM200,000 dan penjara lima tahun sekiranya gagal menjelaskan denda atas kesalahan sama," katanya.

Menurut beliau, pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Suhaila Mohd Hakim.

Wan Suhaila turut mengarahkan kedua-dua bot nelayan Vietnam terbabit serta peralatan tangkapan dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Semuanya yang berusia 17 hingga 42 tahun mengaku bersalah